

BAB 4

TEORI PERUBAHAN SOSIAL DAN BEBERAPA LANGKAH MENGURUS MASYARAKAT KEPELBAGAIAN MALAYSIA KINI

Nur Azuki Yusuff dan Mansor Mohd Noor

PENDAHULUAN

Dalam usaha berstrategi mengurus masyarakat kepelbagaian, bab ini menekankan kepentingan pengukuhan kefahaman ilmu dalam masyarakat Malaysia, khususnya golongan belia. Perbincangan dimulai dengan melihat status pembangunan negara, menerokai dan memantau perubahan revolusi dan teknologi. Pengurusan masyarakat kepelbagaian di Malaysia adalah unik. Pasti bentuk perubahan dan hala tuju masyarakat kontemporari ke arah kesejahteraan negara perlu melalui pendekatan dan kaedah baharu untuk direalisasikan.

PEMBANGUNAN NEGARA DAN PERUBAHAN CORAK TADBIR URUS

Semenjak merdeka, kesan ke atas perubahan sosial dan transformasi masyarakat berlaku secara berperingkat. Pembangunan dan perubahan ini melibatkan transformasi sosial beberapa dekad di Malaysia. Ia bermula dengan identiti masyarakat majmuk yang mempunyai kepelbagaian etnik dan kerencaman sosial yang menjadi identiti istimewa masyarakat Malaysia beracuankan konsep ketamadunan dengan payung anak watan.

Perkembangan tersebut boleh dirujuk kepada Rajah 4.1 berikut: